4. **Poligami - Seksyen 23**

Bermaksud berkahwin atau beristeri lebih dari seorang. Sungguhpun Hukum Syarak membenarkan poligami tetapi peruntukan enakmen mengkehendaki bahawa seorang suami yang berhasrat untuk berkahwin sedemikian perlu mendapatkan kebenaran mahkamah terlebih dahulu sebelum perkahwinan itu dilangsungkan.

**NOTA PERINGATAN:**

Segala maklumat di dalam risalah ini hanyalah sebagai panduan sahaja dan tidak boleh dijadikan sebagai hujah di dalam mana-mana prosiding mahkamah.

## ALAMAT MAHKAMAH-MAHKAMAH SYARIAH NEGERI SABAH

**MAHKAMAH TINGGI SYARIAH NEGERI SABAH**
BANGUNAN MAHKAMAH SYARIAH
WISMA MUIS, JALAN SEMBULAN
BEG BERKUNCI NO. 130, 88739 KOTA KINABALU
TEL:088-257032 088-258549
FAKS:088-256477

**MAHKAMAH RENDAH SYARIAH KOTA KINABALU**
BANGUNAN MAHKAMAH SYARIAH
WISMA MUIS, JALAN SEMBULAN
BEG BERKUNCI NO. 130, 88739 KOTA KINABALU
TEL:088-256570 FAKS:088-256477

**MAHKAMAH RENDAH SYARIAH BEAUFORT**
BANGUNAN MAHKAMAH SYARIAH BEAUFORT,
PETI SURAT 624, 89808 BEAUFORT
TEL:087-221434 FAKS:087-221442

**MAHKAMAH RENDAH SYARIAH SANDAKAN**
BANGUNAN URUSETIA NEGERI
PETI SURAT 3317, 90737 SANDAKAN
TEL:089-670150, 089-670154, 089-670155
FAKS:089-670150

**MAHKAMAH RENDAH SYARIAH TAWAU**
BANGUNAN MOKKA HOLDING, JALAN ABACA,
PETI SURAT 1882
91043 TAWAU
TEL:089-765942, 089-760908
FAKS:089-765942

**MAHKAMAH RENDAH SYARIAH KUDAT**
TINGKAT 2, BANGUNAN URUSETIA DAERAH
PETI SURAT 286, 89058 KUDAT
TEL:088-611804 FAKS:088-611804

**MAHKAMAH RENDAH SYARIAH KENINGAU**
BANGUNAN MAHKAMAH SYARIAH KENINGAU
PETI SURAT 184, 89008 KENINGAU
TEL:087-336227, FAKS:087-339980

## JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH NEGERI SABAH

TINGKAT 3, BANGUNAN USIA
BEG BERKUNCI NO. 130, 88739 KOTA KINABALU
TEL:088-253579 FAKS:088-219066

# JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH NEGERI SABAH

# PERMOHONAN PERKAHWINAN MELALUI MAHKAMAH



Permohonan perkahwinan yang terdapat di dalam Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri Sabah 2004 adalah seperti berikut:

1. Kahwin bawah umur
2. Perempuan yang mendakwa telah bercerai sebelum disetubuhi suaminya (janda berhias)
3. Wali hakim (Wali Raja)
4. Poligami

Enakmen telah memperuntukkan bahawa semua perkahwinan yang dinyatakan di atas hendaklah dengan kebenaran mahkamah dan adalah menjadi kesalahan sekiranya perkahwinan-perkahwinan tersebut dilangsungkan tanpa kebenaran mahkamah.

**1. Kahwin Bawah Umur - Seksyen 18(1)(A)**

Permohonan dibuat oleh ibu atau bapa atau penjaga ke atas perkahwinan lelaki yang berumur di bawah 18 tahun dan perempuan yang berumur di bawah 16 tahun.

**2. Perempuan Yang Mendakwa Telah Bercerai Sebelum Disetubuhi Suaminya (Janda Berhias) - Seksyen 18(1)(B)**

Permohonan dibuat apabila perempuan tersebut mendakwa telah bercerai sebelum dia disetubuhi oleh suaminya dalam perkahwinan terdahulu dan dalam masa 'iddah perempuan biasa, dia tidak boleh berkahwin dengan seorang lelaki lain daripada suaminya yang dahulu itu.

**3. Wali Hakim (Wali Raja) - Seksyen 18(1)(C)**

Permohonan dibuat oleh perempuan yang hendak berkahwin dalam keadaan berikut:

i. Tiada Wali Nasab
ii. Tiada Wali Nasab beragama Islam
iii. Tiada Wali Nasab yang cukup syarat
iv. Wali ghaib (tidak diketahui di mana sama ada masih hidup atau telah meninggal dunia)
v. Wali berada jauh melebihi dua (2) marhalah (96 KM) dan tidak berhasrat untuk menjadi wali
vi. Wali sedang berihram haji

Wali ingkar (enggan menjadi wali)